

# Dasar tidak capai pengagihhan disemak

Oleh Abdul Halim Yusoff  
dan Azli Ayob

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan sentiasa bersikap terbuka untuk menyemak semula sebarang dasar atau peraturan didapati tidak mencapai matlamat pengagihhan yang diharapkan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil pendekatan itu kerana peka bahawa cabaran dihadapi negara kini ialah untuk mencapai matlamat pengagihhan mengikut cara paling mampan, berdaya saing serta bermakna.

"Sebab itulah dilaksanakan penekanan terhadap pembinaan keupayaan modal insan dan pembangunan luar bandar bagi mereka yang ketinggalan," katanya berucap merasmikan Persidangan Meja Bulat Ahli Ekonomi dan Kerajaan Malaysia, di sini, semalam.

Persidangan dua hari itu dihadiri 150 ahli ekonomi dan pemimpin korporat terkemuka dunia. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Abdullah berkata, kerajaan me-

mentingkan pendekatan berperingkat bagi mengurangkan peraturan dan mendalami kesannya serta menyediakan ruang untuk adaptasi jika perlu, sejajar peranannya sebagai pemudah cara bagi sektor perniagaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, antara perubahan yang sudah diambil, ialah mempermudah kaedah pemprosesan pelan bangunan bagi mempercepatkan proses kelulusan.

"Kabinet juga sedang menyemak mekanisme kawalan harga dan syarat kemasukan bagi industri besi keluli. Sebuah pasukan petugas khas sedang meneliti semua aspek ber-

**“Kerajaan pentingkan pendekatan berperingkat bagi mengurangkan peraturan dan mendalami kesannya”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

BH - 11/7/2007  
kaitan harga dan permit untuk mempermudah semua proses berkaitan.

"Langkah itu mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta pasaran dan kerajaan komited meneruskan usaha berkenaan. Isu paling sukar yang perlu ditangani Malaysia ialah untuk menambah baik ekuiti tanpa mengorbankan daya saing.

"Ramai menyifatkan pematuhan terhadap DEB (Dasar Ekonomi Baru) sebagai tambahan kos melakukan perniagaan di Malaysia, mereka sebenarnya gagal memahami semangat mengapa dasar itu dilaksanakan," katanya.

Abdullah berkata, matlamat untuk tidak mengaitkan pekerjaan daripada kumpulan etnik atau kedudukan sosial tertentu contohnya, adalah penting bagi memastikan wujudnya perpaduan jangka panjang di negara ini.

"Pengembangan golongan terpelajar dan kelas pertengahan pelbagai kumpulan etnik yang wujud hasil dasar diikuti, mengurangkan risiko berlaku keresahan, tetapi perbezaan ketidakseimbangan yang besar dari segi pendapatan dan kedudukan sosial masih wujud," katanya.

Beliau berkata, meskipun perkara sebegitu mungkin hanya sebahagian daripada isu di negara lain, jurang berasaskan kaum penting di negara ini kerana ia menjadi teras kepada perpaduan nasional di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah negara berpendapatan sederhana yang sedang beralih ke peringkat tertinggi dalam rantaian nilai apabila sektor perniagaan tempatan semakin mengkhusus, inovatif dan fokus kepada bidang kepakaran mereka.

Sementara itu, katanya, Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan Timur dijangka dilancarkan dalam tempoh dua bulan lagi selepas ia mendapat perkenan daripada Sultan dan ketua-ketua negeri berkenaan.

Perdana Menteri berkata, koridor ekonomi berkenaan akan merapatkan jurang pembangunan antara wilayah menerusi pengenalan langkah untuk menggalakkan kemasukan pelaburan, pertumbuhan perniagaan dan menyediakan pekerjaan.

"Tumpuan khusus akan diberikan kepada aspek produktiviti pertanian dan pembangunan luar bandar iaitu, dua faktor utama yang menyebabkan ketidakseimbangan pembangunan serta kemakmuran," katanya.